

## Kerajaan kaji permintaan naikan harga gula

25 November 2016 12:19 AM

 Like  Share  Tweet  Google 

**JOHOR BAHRU 24 Nov.** – Kerajaan sedang mengkaji permintaan pengeluar gula di negara ini untuk menaikkan harga bahan tersebut berikutan kos gula mentah yang semakin tinggi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, pertimbangan mengenai perkara itu telah dilakukan sejak sebulan yang lalu.

“Kerajaan mahu meneliti trend harga pasaran gula dunia terlebih dahulu kerana ia boleh naik, turun dan juga stabil... maka mudahlah kita membuat perkiraan.

“Saya kluatir trend ini kadangkala kerana masalah iklim. Jadi, pengeluaran gula dunia tidak mencukupi dan harga naik...tetapi tiba-tiba ia (bekalan) kembali stabil semula. Tidak adil kita membenarkan mereka (pengeluar) naikan harga,” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan 2016 sempena Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan, di sini hari ini.

Isnin lalu, MSM yang merupakan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) meminta kerajaan menaikkan harga gula sebanyak 20 peratus berikutan kos gula mentah yang meningkat hampir 40 peratus sejak awal tahun ini dan memberi kesan terhadap margin keuntungan syarikat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohamad Amri Sahari berkata, syarikat itu turut berdepan peningkatan kos operasi dan menerima impak daripada penyusutan nilai ringgit.

Katanya, kali terakhir kerajaan menaikkan harga gula pada 2013, iaitu daripada RM2.50 kepada RM2.84 sekilogram.

Hamzah berkata, harga gula di pasaran dunia kini mencecah AS\$0.26 bagi satu paun (0.45 kilogram) berbanding AS\$0.16 pada 2013 bagi berat yang sama.

“Permintaan pengeluar ini ada asasnya tetapi, saya nak kepastian supaya memberi penyelesaian dari segi kadar harga yang mereka sendiri mampu untuk berusaha mengeluarkan gula supaya ia cukup dari segi bekalan di pasaran.

“Tetapi pada masa sama, saya juga sebagai pengguna, saya tidak mahu membeli gula pada harga yang mahal,” katanya.